

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD (PASIR PUTEH)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 26.05.2016**

**Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan selepas Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti iaitu dengan penyempurnaan rasionalisasi industri syarikat diskaun dan status transformasi bank saudagar, syarikat broker saham dan broker universal menjadi bank pelaburan. Bagaimanakah perkembangan dua syarikat diskaun seperti Abrar Discount House kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan penyempurnaan rasionalisasi syarikat diskaun yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti pada 29 Disember

2006, semua syarikat diskaun telah berhenti beroperasi pada 31 Disember 2006. KAF Discounts Berhad kini beroperasi sebagai sebuah bank pelaburan berlesen, dikenali sebagai KAF Investment Bank Berhad. Bagi Abrar Discounts Berhad ("Abrar"), walaupun operasinya sebagai sebuah syarikat diskaun telah dihentikan pada 31 Disember 2006, lesen syarikat diskaunnya hanya dibatalkan berkuat kuasa pada 22 Mac 2013 di bawah seksyen 7(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 yang dimansuhkan. Pembatalan lesen tersebut dilaksanakan sesudah hal-hal berkaitan pentadbiran perniagaan syarikat diskaun Abrar telah diselesaikan.